

# ASB2 6.00 sen seunit, ASM 5.50 sen seunit

Oleh SHAHIZAM TAZALI

ekonomi@utusan.com.my

## ■ KUALA LUMPUR 28 MAC

**P**ERMODALAN Nasional Berhad (PNB) mengagihkan pendapatan bagi dua dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM), masing-masing sebanyak enam sen seunit dan 5.50 sen seunit.

Pengerusinya, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, pengagihan pendapatan itu melibatkan RM610.7 juta untuk ASB2 dan RM1.1 bilion untuk ASM.

Menurut beliau, pendapatan ASB2 akan diagihkan kepada 404,706 pemegang unit yang memiliki 10.4 bilion unit.

“Setakat 28 Februari lalu, ASB2 merekodkan pendapatan bersih direalisasikan berjumlah RM500 juta. Sementara itu, pendapatan ASM diagihkan kepada 541,758 pemegang unit merangkumi 19.5 bilion unit.

“ASM setakat 28 Februari lalu merekodkan pendapatan bersih direalisasi RM800 juta,” katanya dalam pembentangan prestasi kewangan PNB 2018 di sini hari ini.

Tambah Zeti, pengiraan pendapatan bagi ASB2 dan ASM adalah berdasarkan purata baki minimum yang dipegang sepanjang tahun bagi setiap dana.

“Pengagihan yang diisytihar-



**ZETI AZIZ (kanan) bersama Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad ketika mengumumkan agihan pendapatan bagi ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA**

kan oleh ASB2 dan ASM akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam setiap akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik kepada akaun pemegang unit pada 1 April ini,” ujarnya.

PNB turut mengumumkan agihan pendapatan untuk tiga dana harga berubah iaitu Amanah Saham Nasional (ASN) Equity 3 sebanyak 4.10 sen seunit, ASN Imbang 2 (4.20 sen seunit) dan ASN Sara 1 (lima sen seunit).

Kata Zeti, jumlah pengagihan

ketiga-tiga dana itu melibatkan RM236.1 juta yang akan memberi manfaat kepada 220,188 pemegang unit.

“Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 berdasarkan baki yang dipegang pada akhir tahun kewangan setiap dana. Pengagihan yang diisytihar oleh dana harga berubah akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan dalam akaun pemegang dan dikreditkan pada 1 April,” katanya.